

Newspaper

Utusan Malaysia

Date

2 March 2016



TENGGU ADNAN TENGGU MANSOR (kanan) mengadakan sesi perjumpaan dengan barisan Ahli Parlimen dalam Wilayah Persekutuan di Seri Wilayah, Putrajaya, semalam. - BERNAMA

UMNO belum terima surat Dr. Mahathir

um- 2/3/2016

PUTRAJAYA 1 Mac - UMNO masih belum menerima sebarang surat rasmi berhubung pengisytiharan keluar parti daripada bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Setiausaha Agungnya, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor berkata, beliau belum menerima sebarang surat mengenai perkara itu setakat ini.

"Saya tidak tahu, saya belum dapat surat lagi," katanya kepada pemberita selepas mengadakan sesi perjumpaan bersama Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan di Menara Seri Wilayah di sini hari ini.

Tengku Adnan berkata demikian ketika diminta mengulas tindakan bekas Perdana Menteri itu yang mengumumkan keluar daripada UMNO buat kali kedua bersama isterinya, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd Ali kerana mendakwa per-

juangan parti tersebut bukan lagi seperti dahulu.

Dr. Mahathir pernah bertindak keluar parti ketika era pentadbiran Tun Abdullah Ahmad Badawi iaitu pada 19 Mei 2008, selepas mendakwa hilang kepercayaan terhadap penggantinya itu.

Dalam pada itu, ketika diminta mengulas mengenai tindakan Dr. Mahathir yang mahu menubuhkan satu gerakan serta kesediaannya bekerjasama dengan parti pembangkang lain, Tengku Adnan berkata, beliau tidak tahu mengenai perkara itu.

Ditanya lebih lanjut sama ada tindakan tersebut memberi kesan terhadap UMNO, katanya, tindakan itu tidak menjejaskan parti.

"Setiap bulan ada peningkatan keahlian dalam UMNO, kita tidak terjejas," katanya.

Sementara itu, mengenai pertemuan bersama Ahli Parlimen

dalam Wilayah Persekutuan hari ini, katanya, pelbagai perkara telah dibincangkan bagi mendapat maklum balas daripada 13 Ahli Parlimen di Wilayah Persekutuan mengenai permasalahan penduduk.

Katanya, antara isu utama yang disentuh ialah mengenai isu pemilikan rumah di Wilayah Persekutuan, sehubungan itu, pihaknya akan mengadakan satu bengkel antara ahli-ahli Parlimen tersebut dengan pegawai-pegawai serta pihak Kementerian bagi menyelesaikan isu itu.

"Selain itu, kita juga berbincang mengenai isu 'mat motor' yang mana saya telah memaklumkan bahawa isu ini perlu diselesaikan dari punca dan pada masa sama, kita berbuat demikian bagi memberi ruang kepada mereka untuk melakukan perkara yang diminati," katanya.